

Mahathir puashati kemajuan Sabah

KOTA KINABALU, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyatakan puashati dengan kadar pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Katanya, Sabah mencapai 90 peratus dari matlamat yang ditetapkan di bawah rancangan pembangunan sekarang dan berharap kadar yang sama akan dapat dicapai dalam Rancangan Malaysia Keempat (RM4).

Bagaimanapun, beliau menegaikan ukuran ini sahaja tidak memadai bagi Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan kepada negeri ini di bawah RM4.

Keputusan menguntukkan wang kepada sesebuah negeri bukan sahaja berdasarkan pada prestasinya tetapi juga diambil kira lain-lain faktor seperti keperluan lain kawasan yang patut dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu demikian selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan sosio-ekonomi Sabah oleh Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh di sini.

Peruntukan

Dalam taklimatnya, Datuk Harris meminta peruntukan \$8,770 juta untuk Sabah di bawah RM4.

Jumlah tersebut merupakan tiga kali ganda lebih banyak dari peruntukan, di bawah rancangan pembangunan sekarang yang berjumlah \$2,798 juta.

Datuk Seri Dr Mahathir telah diberi taklimat mengenai pencapaian ekonomi keseluruhannya di Sabah setakat ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, termasuk pelaksanaan berbagai projek oleh Lembaga Kemajuan Perhutanan Sabah (SAFODA), Lembaga Pemasaran Sabah (SAMA), Koperasi Pembangunan Desa (KPD) dan Koperasi Jelata Sabah Berhad (KOKABA).

Beliau kemudian diberi penerangan mengenai kegiatan kayu balak, methanol, petroleum, papan lapis dan projek-projek kertas.

Datuk Harris juga berkata Kerajaan Negeri kini sedang menyiapkan laporan dan cadangan bagi projek-projek di bawah RM4 dan berharap Kerajaan Persekutuan akan bermurah hati membiayai separuh dari jumlah yang diminata.

Tambahnya, Sabah

memerlukan jumlah sebanyak itu bagi mengekalkan kadar pembangunan yang berjalan sekarang dan juga untuk mencapai perimbangan dengan lain-lain negeri di Malaysia.

Datuk Harris berkata, sebenarnya Sabah tidak menghadapi masalah serius untuk pembangunan kecuali kekurangan tenaga mahir, terutamanya doktor, guru, jurukur dan lain-lain kakitangan terlatih.

— Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia